

## Kuktem mahu lahir pakar pelbagai bidang

**K**UANTAN: Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) akan terus mewujudkan rangkaian usaha sama dalam pelbagai bidang, terutama kerajaan negeri, pihak industri dan peringkat antarabangsa.

Rektor Kuktem, Prof Dr Mohd Said Mat Lela, berkata usaha kerajaan menubuhkan 'Specialized University' iaitu Kuktem dengan matlamat melahirkan ahli teknokrat, jurutera dan cendekiawan dalam kedua-dua bidang terbabit.

"Ia adalah semata-mata supaya kita tidak perlu lagi bergantung kepakaran dalam bidang berkenaan daripada bangsa luar.

"Ini bermakna kita perlu mempunyai bangsa yang berilmu kerana dengan ilmu itu kita dapat membangunkan bukan saja diri sendiri, malah agama, bangsa dan negara.

"Menyedari hakikat itulah, kerajaan memilih cogan 'Pendidikan Teras Pembangunan Modal Insan' sebagai tema perarakan sempena sambutan Hari

Kemerdekaan negara ke-48 tahun ini," katanya pada majlis peraram sambutan bulan kemerdekaan peringkat oleh Menteri Besar, Datuk Seri Yaakob di Dewan Kuktem, dekat sini, kelmarin.

Dr Mohd Said berkata, laungan

'Keranamu Malaysia' saja tidak akan dapat menganjakkan paradigma ke mana-mana, tetapi harus diiringi dengan usaha yang jitu.

Bagi memperkasakan negeri ini, beliau berkata, Kuktem bersama kerajaan negeri menjalin usaha sama bagi membangunkan industri bioteknologi, menghasilkan Pelan Industri Teknologi, Maklumat dan Komunikasi (ICT) Pahang.